

Cegah peranan bercanggah

# MARA disusun semula

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Encik Sanusi Junid sedang merangka satu penyusunan dan rombakan besar organisasi MARA bagi memastikan peranan badan tersebut tidak bercanggah dengan matlamat sebenarnya.

Langkah itu dijalankan sejajar dengan hasrat Kerajaan di bawah pimpinan baru Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk memastikan badan-badan berkanun terutama yang menjaga kepentingan Bumiputera menjalankan daya usaha yang licin dan berkesan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

MARA baru sahaja dipindahkan dari kawalan Kementerian Perusahaan Awam kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar Sabtu lalu.

Sumber-sumber yang rapat memberitahu, Pengerusi MARA, Dr. Nawawi bin Mat Awin telah pun diberi "lampu hijau" untuk membuat sebarang perubahan yang baik dan berkesan dalam mencapai matlamat MARA sendiri.

Berita Harian difahamkan pemindahan badan tersebut berlaku berikutan percanggahan pendapat antara beberapa pihak dalam melaksanakan objektif MARA.

Untuk mengatasi keadaan tersebut, Datuk Seri Dr. Mahathir mengarahkan MARA dipindahkan ke Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Dr. Nawawi yang juga Pengerusi Biro Ekonomi UMNO dikatakan mendapat mandat penuh dari Perdana Menteri melaksanakan dasar agresif dan berkesan.

## Diselaraskan

Difahamkan di bawah pentadbiran baru ini kegiatan MARA akan diselaraskan sambil memastikan semua hutang piutang dipungut semula tanpa pilih kasih.

"Semua si piutang mesti membayar hutang mereka balik terutama yang berjaya dalam bidang perniagaan sekarang," kata sumber tersebut.

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar merupakan kementerian yang sesuai mengendalikan MARA kerana ia secara langsung melibatkan diri kepada orang Melayu di luar bandar.

"Ini akan memudahkan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar memajukan peniaga-peniaga dan usahawan kecil Bumiputera atau sebagainya."

Rombakan kakitangan MARA juga mungkin berlaku dan mana-mana kakitangan yang tidak dedikasi dan bersemangat dijangkakan dinasihatkan mengubah sikap.

Jika tidak tindakan tegas akan diambil untuk membetulkan masalah tersebut, "ini termasuk diambil tindakan disiplin."

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia